

22/05/1999

Ong nafi cabar Lim

JOHOR BAHRU, Jumaat - Naib Presiden MCA, Datuk Ong Ka Ting, menafikan beliau ingin mencabar Timbalan Presidennya, Datuk Lim Ah Lek, dalam pemilihan pucuk pimpinan parti itu pada 17 Julai ini.

Beliau berkata, spekulasi beliau akan mencabar Lim yang juga Pengerusi MCA Pahang itu sengaja disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

"Tidak benar saya akan menentang Lim dalam pemilihan itu kelak. Jangan buat spekulasi," katanya ketika ditemui selepas menghadiri perjumpaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) di Hotel Eden, di sini, hari ini.

Perjumpaan itu diadakan sempena lawatan kerja dua hari Dr Mahathir ke sini yang berakhir hari ini.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan baru-baru ini menolak spekulasi mengatakan Lim tidak mahu mempertahankan jawatannya dalam pemilihan itu. Bagaimanapun perkara itu terserah kepada Lim untuk menentukannya.

(END)